

Taman ilmu RM250j

Pusat pengajian tinggi bertaraf dunia dibina di Terengganu

Oleh Zulkofli Jamaludin,
Shaarani Ismail
dan Baharom Bakar

KUALA TERENGGANU: Kerajaan semalam mengumumkan pembinaan taman ilmu yang akan menempatkan institusi pengajian tinggi penting, kolej serta pusat latihan di Mukim Tembila, Besut, menerusi konsep perkongsian kemudahan dalam usaha membangunkan modal insan bertaraf dunia.

Pusat yang dikenali Taman Ilmu Terengganu dan pertama seumpamanya di negara ini, akan dibina di kawasan seluas 280 hektar serta menumpukan kepada kandungan, dan penyelidikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang mengumumkan pewujudan taman itu, berkata taman yang dilengkapi kemudahan asas seperti perpustakaan, masjid, dewan konvensyen dan kemudahan komersial, akan menjadi faktor penting dalam membawa perubahan kepada Terengganu.

"Peruntukan pun sudah ada, sebanyak RM250 juta. Kita tidak akan bina bangunan yang tersergam indah serta kampus yang besar-besar. Tetapi kita nak mementingkan kandungan. Banyak universiti besar di dunia tidak memerlukan kampus besar.

"Jadi kita mahu supaya bangunan itu dapat berfungsi dan dapat menyediakan tempat untuk penyelidikan bagi mereka yang ingin menjalankan kajian, tempat kuliah dan pembelajaran," katanya pada sidang media selepas menutup Konvensyen Umno Terengganu 2006, di Primula Beach Resort, di sini semalam.

Taman Ilmu Terengganu yang dibina bersebelahan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) di Dendong, Setiu, itu akan menjadi perbandaran baru yang mampu menampung kira-kira 100,000 penduduk termasuk pelajar dan tenaga pengajar, pusat komersial dan kediaman awam.

Abdullah berkata, walaupun peruntukan yang disediakan itu sedikit, ia cukup untuk mewujudkan taman berkenaan demi manfaat pelbagai pihak termasuk dari luar negara.

Katanya, ini dapat dilaksanakan



BUKAN PENGHALANG: Abdullah menaiki beca yang dikayuh Idris ketika hujan lebat untuk merasmikan penutup Konvensyen Umno di Primula Beach Resort, di Kuala Terengganu, semalam.

walaupun tanpa peruntukan terlalu besar kerana ia menggunakan konsep guna sama yang mana setiap institusi akan berkongsi kemudahan disediakan.

"Dengan peruntukan sebanyak itu, kita akan dapat mewujudkan institusi yang dapat menampung institusi sedia ada di kawasan itu dan akan dibina berhampiran taman berkenaan," katanya yang menegaskan projek itu selaras hasrat kerajaan membangunkan modal insan di kalangan rakyat terutama penduduk Terengganu.

"Kita tidak akan bina bangunan tersergam indah serta kampus yang besar-besar. Tetapi kita pentingkan kandungan"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Sementara itu, Idris berkata, Taman Ilmu Terengganu akan mempunyai lima atau enam kolej yang akan menggunakan kemudahan yang dikongsi, sekali gus mengurangkan kos pembinaan keseluruhan taman berkenaan.

"Projek ini dijangka dibangunkan awal tahun depan dan dijangka siap akhir 2008," katanya sambil menambah, apabila siap kelak ia akan dibuka kepada pelajar tempatan dan luar negara, tetapi keutamaan diberikan kepada anak Terengganu.